



**KESEJAHTERAAN BUDAYA SUBJEKTIF LOKAL DALAM KALANGAN
KOMUNITI WARGA EMAS ORANG ASLI JAKUN DI PAHANG, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMAD LUQMANUDIN BIN JALALUDIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2024

FEM 2024 11

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh di buat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KESEJAHTERAAN BUDAYA SUBJEKTIF LOKAL DALAM KALANGAN
KOMUNITI WARGA EMAS ORANG ASLI JAKUN DI PAHANG, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMAD LUQMANUDIN BIN JALALUDIN

Februari 2024

Pengerusi : Mohd Roslan Rosnon, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini menjelaskan kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan warga emas Orang Asli Jakun, Pahang, Malaysia. Pengukuran kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia dilihat masih lagi berteraskan perspektif objektif dengan menggunakan pengukuran ekonomi. Selain itu, konsep kesejahteraan subjektif yang khusus bagi warga emas Orang Asli juga masih lagi kabur dan kajian mengenainya adalah terbatas walaupun Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Pembangunan yang berlaku di sekitar penempatan Orang Asli sudah semestinya memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Maka menjadi satu keperluan untuk melihat konsep kesejahteraan Orang Asli khususnya bagi golongan warga emas. Kesejahteraan budaya dilihat penting bagi masyarakat Orang Asli kerana mereka mempunyai budaya, sistem kepercayaan dan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat arus perdana. Justeru, kajian ini memberi satu sudut pandang yang berbeza dengan melihat konsep kesejahteraan secara subjektif yang memberi fokus kepada kesejahteraan subjektif budaya bagi

warga emas Orang Asli Jakun. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk:

(i) menjelaskan konsep kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun; (ii) meneroka indikator kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun; dan (iii) menghuraikan status kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun. Seramai 15 orang informan terlibat dalam Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD), Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dan temu bual secara mendalam yang terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas yang ditinggal di daerah Rompin, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian secara kajian kes. Analisis kajian adalah berasaskan tema. Berdasarkan dapatan kajian terdapat empat tema besar dalam membincangkan konsep kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun iaitu: (i) Keselesaan; (ii) Kegembiraan; (iii) Ketenangan; dan (iv) Kesedaran. Manakala dari segi indikator pula, dapatan kajian menunjukkan terdapat lapan indikator kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun iaitu: (i) Identiti; (ii) Tanah dan Alam Sekitar; (iii) Pemeliharaan Budaya; (iv) Amalan Budaya dan Tradisi; (v) Spiritual dan Kerohanian; (vi) Bahasa; (vii) Ikatan Keluarga dan Komuniti; dan (viii) Pengiktirafan dan Penghormatan. Bagi status kesejahteraan hidup subjektif warga emas Orang Asli Jakun, hasil analisis menunjukkan empat indikator yang memiliki status baik iaitu: (i) Identiti; (ii) Amalan Budaya dan Tradisi; (iii) Spiritual dan Kerohanian; dan (iv) Ikatan Keluarga dan Komuniti. Manakala empat indikator lagi berstatus kurang baik iaitu: (i) Tanah dan Alam Sekitar; (ii) Pemeliharaan Budaya; (iii) Bahasa; dan (iv) Pengiktirafan dan Penghormatan. Kesimpulannya, kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun memberikan

satu fahaman baharu terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Senario kesejahteraan hidup objektif dalam komuniti warga emas Orang Asli yang menyatakan mereka tidak sejahtera adalah tidak benar. Implikasinya, kedaifan dan kemiskinan yang dilihat dari mata kasar sebenarnya tidak menggambarkan kesejahteraan hidup yang tidak sejahtera. Malah, kesejahteraan subjektif budaya juga boleh menggambarkan kesejahteraan komuniti. Pengukuran subjektif juga perlu di ambil kira dalam mengisi pembangunan bukannya hanya melihat kepada fizikal semata-mata. Hal ini bagi memastikan peningkatan dalam indeks Kesejahteraan Hidup masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: Jakun, Kesejahteraan budaya, Kesejahteraan hidup, Orang Asli, Warga emas

SDG: MATLAMAT 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**LOCAL SUBJECTIVE CULTURE WELL-BEING AMONG THE ELDERLY
JAKUN ORANG ASLI IN PAHANG, MALAYSIA**

By

MUHAMAD LUQMANUDIN BIN JALALUDIN

February 2024

Chairman : Mohd Roslan Rosnon, PhD
Faculty : Human Ecology

This study explains the subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun community in Pahang, Malaysia. The measurement of community well-being in Malaysia is still dominantly based on an objective perspective using economic measures. Furthermore, the concept of subjective well-being specific to the elderly Orang Asli is still unclear, and research on it is limited, even though Malaysia is expected to be an ageing nation by 2030. The development occurring around Orang Asli settlements undoubtedly affects their quality of life. Therefore, it is necessary to explore the concept of well-being among the elderly Orang Asli. Cultural well-being is considered important for the Orang Asli community because they have a different culture, belief system, and lifestyle compared to the mainstream society. Hence, this study provides a different perspective by focusing on subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun. Therefore, this study aims to: (i) explain the concept of subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun; (ii) explore the indicators of subjective cultural well-being among

the elderly Orang Asli Jakun; and (iii) describe the status of subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun. A total of 15 informants participated in Focus Group Discussions (FGD), Nominal Group Technique (NGT), and in-depth interviews, consisting of individuals aged 60 and above living in the Rompin district of Pahang. This study utilised qualitative methods with a case study research design and used thematic analysis. Based on the research findings, there are four major themes in discussing the concept of subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun: (i) comfort; (ii) happiness; (iii) tranquility; and (iv) awareness. While for the indicators, there are eight indicators of subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun: (i) Identity; (ii) Land and Environment; (iii) Cultural Preservation; (iv) Cultural Practices and Traditions; (v) Spiritual and Religious; (vi) Language; (vii) Family and Community Ties; and (viii) Recognition and Respect. Regarding the status of subjective well-being, the findings show that four indicators have a good status: (i) Identity; (ii) Cultural Practices and Traditions; (iii) Spiritual and Religious; and (iv) Family and Community Ties. Meanwhile, four indicators do not have good status: (i) Land and Environment; (ii) Cultural Preservation; (iii) Language; and (iv) Recognition and Respect. In conclusion, subjective cultural well-being among the elderly Orang Asli Jakun community provides a new understanding of the Orang Asli community's well-being. The scenario of objective well-being in the elderly Orang Asli community claiming they are not well is inaccurate. This research implies that superficial appearances of poverty and hardship do not truly represent a lack of well-being. Subjective cultural well-being can also represent the well-being of a community. Subjective measurements should also be considered in

development efforts rather than solely focusing on physical aspects. This is to ensure an improvement in the well-being index of the Orang Asli community.

Keywords: Elderly, Jakun, Orang Asli, Subjective culture well-being, Well-being

SDG: GOAL 3: Good Health and Well-Being



PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dengan izin dari-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini seperti yang diharapkan. Bersyukur juga kerana diberikan keupayaan, semangat, kesabaran dan kesihatan yang baik untuk membolehkan saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan ikhlas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Prof Madya Dr. Mohd Roslan Rosnon yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, buah fikiran dan teguran sepanjang tempoh penyediaan tesis kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Profesor Dr. Asnarulkhadi Abu Samah dan semua tenaga pengajar di Fakulti Ekologi Manusia yang telah banyak membantu dan mencurahkan ilmu sepanjang saya bergelar pelajar.

Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* – FRGS/1/2019/SS06/UPM/02/4 dalam pemberian dana untuk melaksanakan sebahagian kajian ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan bagi menjalankan kajian kepada komuniti Orang Asli Jakun, Pahang, Malaysia.

Jutaan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada semua komuniti Orang Asli Jakun yang terlibat dengan kajian ini kerana menyambut baik kajian ini serta memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada saya untuk melaksanakan kajian ini ketika di lapangan.

Untuk ibu dan bapa tercinta, Puan Asnah binti Din dan Encik Jalaludin bin Sahabudin, terima kasih di atas bantuan, ruang dan peluang yang diberikan sepanjang pencarian ilmu di UPM ini. Penghargaan juga diberikan isteri tercinta, Siti Norzawani binti Md Supar atas dorongan yang diberikan kepada saya agar terus bersemangat dalam menyelesaikan kajian ini. Begitu juga ahli-ahli keluarga yang lain kerana tidak pernah putus-putus memberikan sokongan dan semangat kepada saya untuk meneruskan usaha bagi menjayakan kajian ini.

Kepada rakan-rakan seperjuanganku, Afiq Razak dan semua rakan-rakan. Terima kasih kerana mewarnai hidupku selama berada di kampus hijau ini. Tidak lupa buat semua insan teristimewa yang pernah hadir dalam hidupku dan sentiasa menyokong perjuanganku. Aku hargai tanda persahabatan yang diberikan.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak dalam usaha membantu menyiapkan kajian serta penulisan tesis ini. Semoga anda semua akan dirahmati Allah S.W.T hendaknya. Walaupun naskah ini kecil berbanding naskah-naskah yang disumbangkan oleh sarjana-sarjana lain, namun begitu diharapkan naskah ini

sekurang-kurangkan dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dalam kalangan pelajar, ahli akademik dan masyarakat secara umumnya. Semoga naskah ini dapat memberikan erti dalam perkembangan ilmu terutamanya dalam bidang pembangunan komuniti.

Sekian, terima kasih.

Muhamad Luqmanudian bin Jalaludin

Februari 2024



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Roslan Rosnon, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Julai 2024

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	7
	1.3 Objektif Kajian	14
	1.4 Kepentingan Kajian	14
	1.5 Definisi Konsep	16
	1.6 Kerangka Konseptual	18
	1.7 Limitasi dan Skop Kajian	20
	1.8 Rumusan	22
2	TINJAUAN LITERATUR	24
	2.1 Pengenalan	24
	2.2 Komuniti Orang Asli Jakun	24
	2.2.1 Masyarakat Orang Asli	25
	2.2.2 Orang Asli Jakun	28
	2.2.3 Kajian-Kajian Orang Asli Jakun	34
	2.2.4 Kajian-kajian Budaya Orang Asli Jakun	41
	2.2.5 Pembangunan Komuniti Orang Asli	50
	2.3 Warga Emas	59
	2.3.1 Dasar Warga Emas Negara	60
	2.3.2 Kajian-Kajian Warga Emas di Malaysia	63
	2.4 Kesejahteraan Hidup	66
	2.4.1 Konsep Kesejahteraan Hidup	67
	2.4.2 Domain Kesejahteraan Hidup di Malaysia	69
	2.4.3 Domain Kesejahteraan Hidup Peribumi di Peringkat Antarabangsa	71
	2.4.4 Indikator Kesejahteraan Budaya Peribumi Antarabangsa	74
	2.4.5 Domain Kesejahteraan Hidup Komuniti Orang Asli di Malaysia	80
	2.4.6 Kesejahteraan Hidup Subjektif	84
	2.5 Paradigma dan Teori	85
	2.5.1 Paradigma Interpretif	85
	2.5.2 Teori interaksi simbolik	88

2.6	Rumusan	91
3	METODOLOGI	92
3.1	Pengenalan	92
3.2	Kaedah dan Reka Bentuk Penyelidikan	92
3.3	Lokasi Kajian	94
3.4	Pensampelan	96
3.4.1	Saiz Sampel	98
3.4.2	Kaedah Pensampelan	99
3.5	Teknik Pengumpulan Data	100
3.5.1	Pengkaji Sebagai Instrumen	100
3.5.2	Perbincangan Kumpulan Berfokus (<i>Focus Group Discussion</i>) (FGD)	101
3.5.3	Teknik Kumpulan Nominal (<i>Nominal Group Technique</i>) (NGT)	103
3.5.4	Temu Bual Mendalam	104
3.5.5	Proses Pengumpulan Data	105
3.6	Analisis Data	106
3.7	Rumusan	108
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	109
4.1	Pengenalan	109
4.2	Demografi Informan	109
4.2.1	Rumusan	112
4.3	Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	113
4.3.1	Keselesaian	115
4.3.2	Kegembiraan	117
4.3.3	Ketenangan	120
4.3.4	Kesedaran	121
4.3.5	Dapatan NGT Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	123
4.3.6	Rumusan	126
4.4	Indikator Kesejahteraan Subjektif Budaya	128
4.4.1	Identiti	129
4.4.2	Tanah dan Alam Sekitar	131
4.4.3	Pemeliharaan Budaya	133
4.4.4	Amalan Budaya dan Tradisi	134
4.4.5	Spiritual dan Kerohanian	136
4.4.6	Bahasa	138
4.4.7	Ikatan Keluarga dan Komuniti	140
4.4.8	Pengiktirafan dan Penghormatan	141
4.4.9	Rumusan	143
4.5	Status Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	144
4.5.1	Identiti	145
4.5.2	Tanah dan Alam Sekitar	147
4.5.3	Pemeliharaan Budaya	148
4.5.4	Amalan Budaya dan Tradisi	150

4.5.5	Spiritual dan Kerohanian	152
4.5.6	Bahasa	153
4.5.7	Ikatan Keluarga dan Komuniti	155
4.5.8	Pengiktirafan dan Penghormatan	157
4.5.9	Rumusan	159
4.6	Wacana Teori Interaksi Simbolik dan Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	162
4.7	Rumusan	167
5	RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN	169
5.1	Pengenalan	169
5.2	Ringkasan Kajian	169
5.2.1	Ringkasan Objektif Pertama:- Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	169
5.2.2	Ringkasan Objektif Kedua:- Indikator Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	171
5.2.3	Ringkasan Objektif Ketiga:- Status Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	172
5.3	Implikasi	173
5.3.1	Implikasi Teoritikal	173
5.3.2	Kualiti Hidup	175
5.4	Cadangan	177
5.5	Kesimpulan	179
	RUJUKAN	184
	LAMPIRAN	217
	BIODATA PELAJAR	225
	SENARAI PENERBITAN	228

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Penempatan Suku Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia	26
2.2	Domain Pengukuran Bagi Indeks Kualiti Hidup Malaysia	70
2.3	Model Kesejahteraan Hidup Orang Asli Antarabangsa	72
2.4	Komponen Kesejahteraan Budaya Orang Asli Antarabangsa	78
3.1	Kampung Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang	95
3.2	Komposisi Informan Kajian	99
3.3	Proses Analisis Data	107
4.1	Demografi Informan	110
4.2	Dapatan Kajian FGD Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	115
4.2	Dapatan NGT Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	124
4.3	Dapatan Skor NGT Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	124
5.1	Indikator Kesejahteraan Subjektif Budaya Warga Emas Orang Asli Jakun	182

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	20
2.1	Peta Taburan Penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia	27
3.1	Peta Kawasan Kampung-Kampung Suku Kaum Jakun	96
3.2	Proses Pengumpulan Data	106
5.1	Konsep Kesejahteraan Subjektif Budaya	182

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesejahteraan budaya merupakan konsep penting dalam kaitannya dengan pembangunan budaya dan pembangunan komuniti. Kesejahteraan budaya merupakan konteks yang menarik untuk dibahaskan. Selama ini telah ada banyak perspektif dalam membahas tentang kesejahteraan hidup. Namun, pada kajian ini aspek kesejahteraan subjektif budaya yang menjadi fokus perhatian, kerana konsep ini masih belum dikembangkan secara meluas di Malaysia terutamanya dalam kajian minoriti, sedangkan kumpulan minoriti seperti Orang Asli memiliki kepelbagaian budaya yang sangat tinggi. Budaya dan amalan tradisi merupakan aset yang berpotensi dalam mewujudkan kesejahteraan, khususnya kesejahteraan budaya. Konsep kesejahteraan subjektif budaya ini sangat relevan untuk menjadi satu pendekatan baru dalam melihat kesejahteraan, khususnya di Malaysia.

Dalam kajian ini, warga emas menjadi sasaran kelompok kajian. Hal ini kerana populasi warga emas di negara-negara Asia telah berkembang pesat dalam konteks transformasi sosial dan ekonomi (Tengku Aizan, 2015). Pertumbuhan ini memberi kesan langsung kepada pertumbuhan dan keselamatan ekonomi, sistem penjagaan kesihatan dan daya tahan sokongan keluarga dalam mengekalkan kesejahteraan warga emas. Malaysia sedang menuju sebagai

status negara tua menjelang 2030 disokong melalui laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) apabila peratusan penduduk dikategorikan sebagai warga emas meningkat kepada 4.1 peratus pada 2022 berbanding 2021 daripada keseluruhan populasi Malaysia. Berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia sudah menjadi negara menua, tambahan lagi usia penengah meningkat dari 30.1 tahun pada 2021 kepada 30.4 tahun pada 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Dijangkakan pada tahun 2030 kira-kira 15.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia berusia melebihi 60 dan pada 2022, kira-kira 11.1 peratus atau 3.6 juta penduduk Malaysia melebihi usia 60 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Bagi masyarakat Orang Asli pula, populasi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah seramai 209,575 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2022). Seramai 78,615 Orang Asli daripada populasi keseluruhan adalah mereka yang berada di negeri Pahang yang meliputi pelbagai suku kaum (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2022). Jumlah ini merupakan jumlah terbesar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Bagi data warga emas Orang Asli pula, hanya pada tahun 2016 sahaja data ditemui iaitu seramai 8,554 orang iaitu 4.8% daripada keseluruhan masyarakat Orang Asli ketika itu (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Orang Asli merupakan kaum peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Walaupun kebanyakan penempatan mereka didirikan di pinggir dan pendalaman, namun kehidupan masyarakat Orang Asli kini didapati telah mengalami perubahan berbanding 20 tahun yang lalu di mana tahap sosioekonomi mereka kini lebih arus perdana (Mohd Fariz,

2021). Secara umumnya, kebanyakan dari mereka tidak lagi bergantung kepada ekonomi tradisional iaitu mencari hasil hutan semata-mata, malah kini mereka sudah mula memasuki ekonomi industri sekali gus telah meningkatkan taraf hidup mereka (Mustafa, 2008; Mohd Roslan, 2010; Mohd Fariz, 2021). Namun begitu, perubahan tersebut sering kali dijadikan isu perdebatan terutamanya golongan warga emas dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka di samping mengekalkan adat dan kebudayaan tradisi mereka yang semakin terhakis akibat pembangunan tersebut.

Pembangunan juga sering dianggap sebagai satu usaha untuk mencapai kemajuan. Pentakrifan kemajuan juga sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat (Zahid, Asnarulkhadi, Mariani, Jamilah & Hanina Halimatusaadia, 2008). Oleh itu, pembangunan Orang Asli juga sering diukur berdasarkan pencapaian sosioekonominya. Justeru, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pencapaian sosioekonomi Orang Asli dapat dicapai. Secara umumnya, pembangunan masyarakat Orang Asli terdiri daripada dua bentuk iaitu pembangunan khusus dan pembangunan umum. Pembangunan khusus merupakan program pembangunan yang dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli. Ia melibatkan program pembangunan sosial, pembangunan keusahawanan dan juga pembangunan ekonomi. Manakala pembangunan umum pula merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat nasional dan telah memberi impak secara langsung kepada masyarakat Orang Asli yang juga merupakan salah satu suku kaum yang terdapat di negara ini. Kita jarang mendengar budaya dijadikan sebagai ukuran dalam pembangunan. Kajian ini memberi

sudut pandang berbeza dengan mengetengahkan budaya sebagai elemen penting dalam kesejahteraan dan pembangunan komuniti.

Dalam melihat pembangunan komuniti, ianya perlu dinilai dalam pelbagai dimensi. Menurut Todaro (1983) dalam Hanisah, Nobaya dan Sharifah Norazizan (2004), pembangunan adalah proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan-perubahan ke atas struktur masyarakat, sikap dan institusi yang juga melibatkan pertumbuhan ekonomi, pengurangan kadar ketidakadilan dan penghapusan kemiskinan mutlak. Pembangunan juga seharusnya mengambil kira kemajuan yang berlaku ke atas keseluruhan sistem sosial agar ianya bersesuaian dengan keperluan dan kehendak individu dan komuniti yang pelbagai supaya mereka dapat terus hidup dalam keadaan dan suasana yang lebih selesa dan baik dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Pemahaman umum masyarakat terhadap konsep sebenar kesejahteraan hidup dalam kalangan Orang Asli juga masih lagi samar dan sukar difahami oleh masyarakat umum. Perdebatan mengenai pengukuran kesejahteraan hidup Orang Asli juga menjadi perdebatan dalam ahli sarjana di Malaysia. Pengukuran kesejahteraan secara objektif lazimnya digunakan dalam membincangkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Pengukuran ekonomi juga seringkali dijadikan asas pengukuran mengenai kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Oleh sebab itu, kita sering mendengar mengenai Orang Asli tiada pekerjaan yang tetap, ekonomi tradisional, memiliki pendapatan yang rendah, kadar pengangguran yang amat membimbangkan

serta tahap kemiskinan yang semakin meningkat (Gomes, 2004; Mohd Nur Syufaat, 2015; Mohd Roslan & Asnarulkhadi, 2018). Ini merupakan takrifan biasa golongan pemerintah.

Dalam membincangkan kesejahteraan juga, pelbagai tafsiran di buat untuk memahami kesejahteraan hidup. Kesejahteraan merupakan satu konsep yang meluas digunakan, tetapi belum dapat diertikan dengan jelas dalam konteks sains sosial (Levy & Guttman, 1975; Wan Ibrahim, Ma'rof, Zahid & Abdul Halin, 2009). Kesejahteraan hidup adalah keadaan kualiti hidup yang selamat, sihat dan selesa daripada aspek fizikal, sosial dan psikologi (Smith, Wade, Case, Harwell, Straub, & Summers, 2014). Ada yang melihat kesejahteraan itu sebagai objektif (New Economic Foundation, 2013) dan ada juga yang melihat sebagai subjektif (Sulaiman, Asnarulkhadi, Jeffrey Lawrence, Hayrol Azril & Hamizah, 2015). Sulaiman et al. (2015) menyatakan kesejahteraan subjektif adalah mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri dan ianya merupakan satu taksiran psikologikal individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan. Manakala kesejahteraan objektif berpaksikan kepada pengiraan kuantitatif seperti pendapatan dan pemilikan (Sulaiman et al., 2015). Manakala, Wan Ibrahim et al. (2009) menyatakan kesejahteraan bermaksud sejauh mana individu mencapai kesempurnaan, kepuasan, kesenangan dan kebaikan dalam memenuhi keperluan hidupnya, sama ada dari segi material ataupun non material, serta sejauh mana individu dapat menghindarkan diri daripada pelbagai masalah yang timbul dalam kehidupannya.

Domain kesejahteraan juga boleh diukur dalam pelbagai perspektif dan ianya tidak hanya berfokus kepada ekonomi semata-mata. Ia boleh melibatkan pelbagai domain pengukuran seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya seperti dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Malaysia (IKHM) (2013). Justeru, dalam tesis ini, pengkaji cuba untuk memahami konsep, indikator dan status kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli. Hal ini kerana pengkaji ingin melihat perubahan yang berlaku ke atas sesebuah komuniti hasil daripada kesan pembangunan yang dijalankan. Kita juga sering melihat sesuatu komuniti itu mundur atau tidak dengan melihat pendapatan, nilai pemilikan dan sebagainya. Namun, kita jarang memberi tanggapan kesejahteraan secara subjektif dengan mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri terutamanya warga emas dari segi budaya mereka.

Tesis ini juga menggunakan teori interaksi simbolik bagi membincangkan isu ini. Teori interaksi simbolik memberi penekanan dalam memahami tindakan masyarakat dari 'bawah ke atas' dengan memberi fokus kepada proses di peringkat mikro untuk menerangkan tindakan masyarakat (Carter & Fuller, 2015). Jika kita melihat dalam konteks kajian, kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun banyak memaparkan simbol berdasarkan situasi dan keadaan yang difahami oleh golongan minoriti ini sehingga memberikan makna yang agak berbeza dari sudut pandang arus perdana terhadap kesejahteraan. Walaupun dari mata kasar dan ukuran kesejahteraan secara objektif akan memberi penilaian yang agak berbeza namun pendekatan subjektif ini lebih memudahkan dan *grounded* dari segi tafsiran

terhadap kesejahteraan. Hal ini kerana sudut pandang komuniti ini ianya berkait dengan persepsi nilai yang dipegang oleh mereka serta interaksi sosiobudaya dalam kehidupan mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Malaysia sangat terkenal dengan masyarakat majmuknya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan salah satunya ialah Orang Asli. Sebagaimana yang diketahui umum, masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan kumpulan minoriti yang biasanya mendiami sebahagian kawasan pinggir bandar dan pedalaman di Semenanjung Malaysia. Hakikatnya, masyarakat Orang Asli sudah lama mendiami negara ini, malahan dikatakan merekalah penduduk yang terawal wujud di sini. Namun begitu, komuniti ini sering lambat menerima tempas arus pembangunan perdana (Gomes, 2004). Kedudukan Orang Asli bukan hanya lambat menerima pembangunan, tetapi juga majoritinya tergolong dalam kategori miskin; bukan hanya dari segi kewangan tetapi juga terpinggir dari segi pemikiran (Mustafa, 2008). Ini merupakan ukuran biasa yang digunakan dalam memahami kualiti hidup dan kesejahteraan Orang Asli kesan daripada pembangunan.

Oleh kerana penurunan nilai (*devaluation*) dan peminggiran warga emas dalam pembangunan, kebimbangan terhadap kesejahteraan mereka telah sering diperjuangkan di kebanyakan perhimpunan antarabangsa (contohnya The World Summit for Social Development, Millennium Development Goals, Two World Assemblies on Ageing) dan Malaysia telah memasukkan perkara

penting dalam dasar dan perancangan pembangunan negara (contohnya RMK-10, RMK-11, RMK-12, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, Dasar Sosial Negara, Dasar Warga Emas Negara, Dasar Kesihatan Warga Emas Negara). Menurut Pelan Tindakan Antarabangsa Madrid mengenai Warga Emas (2002) dan strategi serantau yang berkaitan, Dasar Warga Emas Negara (2011) mengamalkan pendekatan yang lebih komprehensif untuk kesejahteraan warga emas yang merangkumi domain ekonomi, kesihatan, sosial, rohani dan alam sekitar.

Penyepaduan pelbagai domain mengenai keadaan dan pengalaman warga emas perlu dinilai semula adakah ia sesuai dengan warga emas Orang Asli yang memerlukan pertimbangan sosial yang berbeza. Walaupun, perkembangan pesat negara hari ini juga turut di rasai bagi warga emas Orang Asli. Hal ini kerana kebanyakan warga emas Orang Asli masih tinggal di kawasan pedalaman dan pinggir bandar namun mereka tidak terkecuali dari tempias arus pembangunan yang dilaksanakan. Tidak dinafikan juga masih terdapat warga emas Orang Asli yang masih memiliki kehidupan tradisional di kawasan pedalaman. Kehidupan serba kekurangan dan sederhana dari kaca mata dan ukuran arus perdana tidak semestinya menggambarkan apa yang mereka rasakan. Hal ini kerana, warga emas dalam kalangan Orang Asli masih meneruskan kehidupan di hutan malah mereka lebih selesa tinggal di kawasan pedalaman kerana hutan merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka (Mohd Roslan & Asnarulkhadi, 2018).

Jika di teliti dengan data kemiskinan masyarakat Orang Asli menunjukkan bahawa 31.16% jumlah kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengintegrasikan mereka dalam sistem kebangsaan dan dalam pembangunan arus perdana negara (Ma'rof & Mohd Taufiq, 2008). Usaha untuk membangunkan komuniti orang Asli dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur fizikal sedang dan terus dilakukan kerajaan melalui agensi pembangunannya (Mohd Roslan & Asnarulkhadi, 2018). Namun kadar kemiskinan dalam komuniti Orang Asli masih lagi tinggi. Persoalannya, mengapakah kadar kemiskinan ini tinggi dan adakah Orang Asli benar-benar merasakan diri mereka miskin? Pertimbangan yang berbeza wajar diberikan dan diukur dalam kalangan masyarakat Orang Asli melalui konteks kesejahteraan yang berbeza dalam menilai kesejahteraan mereka.

Konsep kesejahteraan bukanlah perkara baru dalam kalangan ahli falsafah kerana sejak zaman Aristotle lagi istilah kesejahteraan telah menjadi sebahagian dalam kehidupan. Menurut Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) mendefinisikan sejahtera sebagai aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara dari bencana (kesusahan, gangguan, dan lain-lain), dan kesejahteraan sebagai keselamatan, kesenangan (hidup, dan lain-lain), kesentosaan ataupun ketenteraman (jiwa). Kamus The Merriam-Webster (2022) menyatakan kesejahteraan sebagai suatu keadaan yang sihat, suatu keadaan yang merujuk kepada kebahagiaan, kesihatan, kemakmuran atau kekayaan. Disebabkan kesejahteraan adalah suatu konsep yang luas dan

abstrak maka konsep ini sukar untuk diukur. Konsep ini boleh membawa erti yang berbeza-beza di antara individu dengan individu yang lain (Ruggeri, Garcia-Garzon, Maguire, Matz & Huppert, 2020); Wan Ibrahim et al., 2009). Ada yang mendefinisikan konsep kesejahteraan sebagai sejauh mana kebahagiaan diperolehi dan sejauh mana tujuan kehidupan telah tercapai (Shin & Johnson, 1978; Milbrath, 1980; Wan Ibrahim et al., 2009).

Mohd Fariz, Mohd Roslan & Sarjit (2021) menyatakan kesejahteraan sebagai tahap kualiti hidup iaitu sejauh mana individu mencapai kepuasan dan kesenangan serta sejauh mana individu dapat menghindarkan diri daripada pelbagai kesengsaraan yang mungkin timbul dalam hidupnya. Sulaiman et al. (2015) menyatakan kesejahteraan subjektif adalah mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri dan ianya merupakan satu taksiran psikologikal individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan. Namun kajian ini akan memberi fokus kepada kesejahteraan subjektif budaya yang dilihat lebih dekat dengan komuniti Orang Asli yang kaya dengan budaya dan adat resam. Oleh yang demikian, penting untuk memahami konsep kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli kerana mereka mempunyai pengalaman dan persepsi tersendiri serta sudut pandang sendiri mengenai kesejahteraan. Ianya juga terkait dengan konteks sosiobudaya dan nilai yang dipegang oleh warga emas Orang Asli itu sendiri.

Selain, itu isu pengukuran kesejahteraan sebelum ini hanya menggunakan penunjuk objektif yang mempunyai kelemahan dan tidak komprehensif.

Kahneman, Diener, dan Schwartz (1999) mencadangkan bahawa kesejahteraan harus merangkumi penilaian subjektif manusia terhadap emosi dan kualiti hidupnya. Oleh itu, Sulaiman et al. (2015) menyatakan bahawa keseluruhan indeks kesejahteraan harus merangkumi dimensi objektif dan subjektif. Terdapat juga pandangan yang lebih holistik tentang kesejahteraan telah mendapat perhatian dalam bidang perkhidmatan manusia, termasuk kerja sosial, perubatan, dan psikologi. Perkembangan konsep kesejahteraan yang holistik, yang berkembang di luar pengertian *reductionist*, *dualist*, dan *individualist* yang mengambil kira pelbagai perkara seperti agama dan tradisi yang menekankan perspektif holistik dalam menggabungkan pendekatan barat dan timur. Untuk itu, terdapat dua perubahan yang ketara dalam penyelidikan mengenai kesejahteraan (Celia et al., 2014): Pertama, penekanan terhadap hubungan badan, minda dan semangat (spirit) yang tidak bergantung hanya kepada satu domain sahaja (sama ada fizikal, emosi, atau rohani). Kedua, kerohanian semakin dibezakan dari keagamaan, dan dilihat sebagai nilai-nilai asas, kepercayaan, dan makna hidup. Oleh itu, Celia et al. (2014) telah membangunkan Skala Kesejahteraan Holistik berdasarkan konsep kesengsaraan dan ketenangan, dua faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan holistik seseorang. Nilai dan kepercayaan ini sudah pastinya berbeza terutamanya warga emas Orang Asli yang memiliki nilai dan kepercayaan yang tinggi terhadap budaya mereka dan alam semula jadi.

Indeks Kesejahteraan Negara yang ada hanya mengambil kira dimensi objektif iaitu melalui petunjuk ekonomi dan bukan ekonomi. Banyak kritikan telah dikemukakan ke atas kesahihan kesejahteraan dengan hanya menggunakan

dimensi objektif untuk mengukur kesejahteraan masyarakat kerana kajian mendapati bahawa kepuasan hidup adalah bersifat subjektif dan berkait rapat dengan kesejahteraan individu (Western & Tomaszewski, 2016). Banyak kajian melihat kesejahteraan hidup Orang Asli berdasarkan ukuran objektif dan ekonomi dengan mengambil kira ukuran pendapatan dan pekerjaan mereka. Ukuran subjektif melalui pandangan komuniti agak kurang diberi perhatian. Menurut Siti Nadira, Rosmadi, & Jamilah (2015) pentingnya untuk melihat kesejahteraan hidup berdasarkan kepada skop yang lebih kecil iaitu di peringkat komuniti. Hal ini penting bagi memastikan konsep kesejahteraan diukur mengikut aspirasi sebenar komuniti tersebut. Domain kesejahteraan juga boleh diukur dalam pelbagai perspektif. Namun kajian ini, domain kesejahteraan itu merujuk kepada kesejahteraan subjektif budaya. Oleh yang demikian, penting untuk memahami indikator kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli kerana mereka mempunyai pengalaman dan persepsi tersendiri serta sudut pandang sendiri mengenai kesejahteraan. Ianya juga terkait dengan konteks sosiobudaya dan nilai yang dipegang oleh warga emas Orang Asli itu sendiri.

Kesejahteraan hidup subjektif dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun dilihat penting kerana beberapa sebab iaitu: (i) komuniti ini terdedah dengan kepesatan pembangunan di sekelilingnya; (ii) komuniti ini masih lagi terikat dengan nilai dan sosiobudaya mereka; dan (iii) komuniti ini tidak terlepas dengan pengisian pembangunan yang diberikan oleh pemegang taruh (*stakeholder*). Oleh yang demikian, komuniti ini sangat terdedah dengan perubahan sosial. Oleh itu, pengukuran kesejahteraan subjektif budaya dilihat

penting untuk dinilai dari segi konsep, indikator dan status mengikut pandangan komuniti itu sendiri. Menurut Madeline & Junaenah (2004) mendapati penggunaan indeks pengukuran kesejahteraan hidup yang mengambil kira pemahaman, pengetahuan tentang keperluan dan aspirasi sebenar komuniti dilihat kurang menjadi tumpuan kajian. Justeru, kesannya banyak pembangunan yang dilaksanakan menemui kegagalan disebabkan ianya tidak mengambil kira konteks dan aspirasi komuniti itu sendiri (Novel, Mohammad Reevany & Salfarina, 2011; Madeline & Junaenah, 2004).

Taraf hidup masyarakat Orang Asli secara umumnya telah mengalami banyak perubahan ke arah yang lebih baik terutamanya dalam kalangan mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar atau berdekatan dengan perkampungan Melayu dan kaum-kaum majoriti yang lain. Begitu juga komuniti Orang Asli Jakun yang penempatannya berdekatan dengan komuniti majoriti. Sudah pasti sosialisasi dan interaksi sosial ini mengubah landskap hidup mereka sehingga memberi kesan kepada kesejahteraan hidup subjektif mereka. Perubahan pesat yang berlaku di sekeliling perkampungan Orang Asli menyebabkan golongan minoriti ini terpaksa menyesuaikan diri dengan perkembangan dari segi persekitaran sosial dan budaya mereka (Mohamed Yusuf, 2002). Justeru adakah corak kehidupan mereka turut berubah terutamanya golongan komuniti warga emas? Persoalan ini penting dalam menggambarkan situasi kesejahteraan subjektif hidup mereka kesan terhadap pembangunan komuniti mereka. Penyepaduan pelbagai domain mengenai keadaan dan pengalaman warga emas perlu dinilai semula adakah ia sesuai dengan warga emas Orang Asli yang memerlukan pertimbangan sosial yang berbeza.

Berdasarkan perbincangan permasalahan yang timbul, kajian ini akan cuba menjawab persoalan berikut:

1. Apakah pandangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun tentang konsep kesejahteraan subjektif budaya?
2. Apakah indikator kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun?
3. Bagaimanakah status kesejahteraan subjektif budaya komuniti warga emas Orang Asli Jakun?

1.3 Objektif Kajian

Objektif Umum:

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun.

Objektif Khusus:

1. Menjelaskan konsep kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun.
2. Mengenal pasti indikator kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun.
3. Membincangkan status kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian (Othman, 2007) dan kepentingan kajian juga membincangkan sumbangan kajian kepada teori, polisi, amalan, isu-isu sosial dan tindakan (Marshall & Rossman, 1999). Atas dasar inilah kajian ini bertujuan meneroka

kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan warga emas Orang Asli Jakun. Kajian ini juga memperlihatkan status semasa kesejahteraan subjektif budaya warga emas Orang Asli Jakun hari ini. Oleh itu, kajian ini berupaya meningkatkan kesedaran pihak bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan warga emas Orang Asli Jakun dalam merencana pembangunan mereka dengan mengambil kira perspektif kesejahteraan subjektif. Selain itu, kajian ini penting dalam memberikan fahaman tentang konsep dan indikator kesejahteraan subjektif budaya dalam kalangan komuniti warga emas Orang Asli Jakun. Ianya boleh dijadikan gambaran awal mengenai perspektif mereka tentang kesejahteraan hidup.

Pembangunan masyarakat Orang Asli merupakan proses yang sedang dan akan terus berlaku. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaannya, pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli di negara ini. Pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakat Orang Asli daripada belenggu kemiskinan tercapai. Walaupun fenomena kemiskinan di negara ini telah menurun, bilangan golongan miskin dalam kalangan Orang Asli masih lagi tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat arus perdana. Pada 2019, insiden kemiskinan di kalangan Orang Asli adalah kira-kira 33.6 peratus (Astro Awani, 2021). Salah satu punca mengapa dan kenapa keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kegagalan dan kurangnya keberkesanan dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun desa yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat membantu memahami konsep kesejahteraan subjektif budaya yang

bukannya melihat kepada fizikal dan materialistik semata-mata, malah memberi penekanan kepada pemahaman pengetahuan tentang keperluan dan aspirasi sebenar komuniti dalam kesejahteraan subjektif mereka terutamanya dalam konteks budaya.

Dapatan kajian juga diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan kepada pelbagai pihak, terutamanya kepada pihak kerajaan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum. Kajian ini penting dalam meneliti kedudukan masyarakat minoriti Orang Asli serta memberikan serba sedikit gambaran tentang tahap kualiti hidup komuniti warga emas Orang Asli kesan daripada pembangunan yang berlaku. Maklumat yang telah diperolehi dapat membantu dalam perancangan, pelaksanaan serta dapat memperbaiki beberapa kelemahan yang berlaku. Selain itu, kajian ini juga penting untuk digunakan oleh pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini dapat digunakan sebaik mungkin oleh pengkaji baharu untuk mencari hasil yang lebih baik. Seterusnya, ia akan dapat dikembangkan seiring dengan peredaran waktu.

1.5 Definisi Konsep

Orang Asli

Konseptual: Akta 134 dalam Perlembagaan Malaysia juga ada menerangkan siapakah Orang Asli. Dalam Fasal 3(i) Akta 134 diungkapkan takrifan tentang siapakah yang dianggap sebagai Orang Asli di sisi undang-undang. Kesemua

bahagian Fasal 3(i) a, b dan c menegaskan bahawa Orang Asli itu hanya boleh dianggap sebagai Orang Asli selagi seseorang itu bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan Orang Asli. (Hasan, 2000).

Operasional: Dalam kajian ini, Orang Asli merujuk kepada komuniti warga emas Orang Asli Jakun, Rompin, Pahang. Orang Asli Jakun adalah di bawah kumpulan etnik Melayu-Proto.

Warga Emas

Konseptual: Warga emas merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam United Nations World Assembly on Ageing di Vienna (United Nation, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN. Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan diadakan pada 1hb Oktober pada tiap-tiap tahun sesuai dengan pengistiharan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Resolusi No. 45 / 106 yang telah menetapkan 1 Oktober sebagai Hari Warga Emas Antarabangsa (United Nation, 1982).

Operasional: Dalam kajian ini, takrifan 'warga emas' adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas seperti yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara dan Kerajaan Malaysia juga telah mengisytiharkan 1 Oktober setiap tahun mulai 1992 sebagai hari Warga Emas (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Warga emas yang terlibat dalam kajian ini adalah warga emas Orang Asli Jakun yang berumur 60 tahun ke atas.

Kesejahteraan Subjektif Budaya

Konseptual: Kesejahteraan hidup subjektif adalah keadaan kualiti hidup yang selamat, sihat dan selesa daripada aspek fizikal, sosial dan psikologi (Smith et al., 2014). Kesejahteraan hidup subjektif dilihat dari segi kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan serta mengambil kira aspek sosial dan budaya (Sulaiman et al., 2015). Kesejahteraan subjektif budaya merupakan satu konsep yang menerangkan tentang kehidupan yang dinikmati oleh masyarakat dan individu melalui penyertaan dalam rekreasi, aktiviti kreatif dan kebudayaan serta kebebasan untuk mengekalkan, mentafsir dan mengekspresikan seni, sejarah, warisan dan tradisi mereka (Ministry for Culture & Heritage New Zealand, 2002)

Operasional: Dalam kajian ini, kesejahteraan hidup merujuk kepada kesejahteraan hidup subjektif yang mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri terhadap dimensi budaya. Ia merupakan satu taksiran persepsi dan pengalaman hidup individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan ke atas beberapa indikator budaya.


1.6 Kerangka Konseptual

Dalam membincangkan konsep kesejahteraan hidup, pelbagai tafsiran dibuat untuk memahami kesejahteraan hidup. Ada yang melihat kesejahteraan hidup dari sudut objektif (New Economic Foundation, 2013) dan ada juga yang melihat dari sudut subjektif (Sulaiman et al., 2015). Pengukuran kesejahteraan

